

Benteng penahan ombak mulai runtuh

Penduduk bimbang air Sungai Bernam melimpah ketika berlaku air pasang besar

SUNGAI LANG – Benteng penahan ombak Sungai Bernam yang baharu dibina sejak dua bulan lalu di Kampung Sungai Tengar Utara di sini, sebahagian kecilnya mulai runtuh hingga mengundang kerisauan penduduk setempat.

Benteng penahan ombak sepanjang kira-kira 200 meter yang dibina Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menggunakan batang pokok kelapa dan ditutupi kanvas itu sebahagiannya runtuh dan koyak akibat dipukul ombak dan fenomena air pasang.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Tengar Utara, Mohd Hairulnizam Samrin berkata, keadaan itu mengundang kerisauan pen-

duduk di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) berhampiran.

“Kita bimbang jika benteng penahan ombak yang dibina ini musnah menyebabkan air dari Sungai Bernam akan melimpah masuk ke kawasan ini terutama jika berlaku air pasang besar,” katanya.

Mohd Hairulnizam berkata, meskipun PPRT Sungai Tengar Utara yang terletak kira-kira 500 meter daripada kawasan pembinaan benteng tidak pernah dinaiki air, namun jika masalah itu tidak ditangani segera dikhuatiri kawasan itu berdepan kejadian banjir.

Malah, katanya, permukaan jalan tanah merah di kawasan itu juga mengalami pendapan dan rekahan yang teruk



Kamarol Zaki (kanan) dan Mohd Hairulnizam menunjukkan sebahagian benteng penahan ombak rosak hingga mengakibatkan air dari Sungai Bernam melimpah masuk ke kawasan daratan.

akibat limpahan air sungai itu di jalan berkenaan setiap kali berlakunya fenomena air pasang.

“Jalan ini hanya boleh dilalui motosikal sahaja, tetapi jika tiada jalan penyelesaian diambil, kita bimbang masalah

hakisan bertambah buruk menyebabkan kawasan ini menjadi sungai dan mengurangkan lagi bukaan tanah di darat,”

ujarnya.

Katanya, keadaan itu bertambah buruk selepas kerajaan negeri mengambil kawasan itu untuk projek penanaman kelapa sawit hingga menyebabkan sebahagian ekologi hutan paya bakau ditebang.

“Keadaan ini meresahkan penduduk setempat dan meminta usaha pemuliharaan dapat digerakkan dalam memastikan persekitaran hutan paya bakau kekal terpelihara,” katanya.

Adun Sungai Air Tawar, Kamarol Zaki Abdul Malik berkata, kerajaan negeri dan JPS diminta mencari kaedah penyelesaian terbaik menangani masalah itu termasuk menanam semula pokok kayu bakau di kawasan terbabit.